



LEMBAGA PELABUHAN KELANG
(PORT KLANG AUTHORITY)
Beg Berkunci 202,
Jalan Pelabuhan Utara,
42005 Pelabuhan Klang
SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA.

Tel: 603-3168 8211
Fax: 603-3168 9117
603-3168 8228
603-3168 8229
603-3167 0211

Laman Web: www.pka.gov.my
Email: onestopagency@pka.gov.my
ISO 9001:2015 & ISO/IEC 27001:2013

(JAB. ZON BEBAS, JAB. DAGANGAN BERBAHAYA & JAB. TEKNOLOGI MAKLUMAT)

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: LPK:PB/600-4/1 Jld. 4 (19)

Tarikh : 7 April 2023

SENARAI EDARAN :

OPERATOR TERMINAL DAN PENGGUNA-PENGGUNA PELABUHAN

YBhg. Dato' / Tuan / Puan,

PEKELILING PENGURUS BESAR LEMBAGA PELABUHAN KELANG NO. 4/2023

PENGENAAN ICPT ADJUSTMENT FACTOR (IAF) DI PELABUHAN KLANG MULAI 10 APRIL 2023

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa krisis tenaga di peringkat global telah memberikan tekanan kepada industri tenaga elektrik di mana harga bahan api yang sangat tinggi telah menyebabkan peningkatan mendadak kos penjanaan elektrik. Kerajaan tidak lagi dapat menyediakan peruntukan untuk menampung keseluruhan kos bahan api dan kos penjanaan elektrik. Sekiranya disalurkan sepenuhnya kepada pengguna pula, ianya akan menyebabkan peningkatan kos sara hidup.

3. Justeru itu, kerajaan melalui Suruhanjaya Tenaga dan Tenaga Nasional Berhad telah memperkenalkan mekanisme *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT) bagi menampung kos bahan api dan kos penjanaan elektrik. Di bawah mekanisme ICPT, kos bahan api dan kos penjanaan elektrik akan disemak setiap enam (6) bulan dan akan disalurkan kepada para pelanggan dalam bentuk rebat atau surcaj bergantung kepada penjimatan atau peningkatan kos yang terlibat.

4. Dimaklumkan juga bahawa bermula 1 Januari 2023, Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah menaikkan Caj *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT) daripada RM0.037/kWh kepada RM0.20/kWh (kenaikan sebanyak 440%) dan mengenakan dalam bentuk surcaj kepada kedua-dua Operator Terminal (Northport & Westports). Ini telah menyebabkan peningkatan kos operasi secara mendadak yang perlu ditanggung oleh kedua-dua Operator Terminal terutamanya bagi perkhidmatan kontena sejuk (reefer container) di mana kos penggunaan elektrik bagi kontena sejuk (reefer container) telah meningkat sebanyak 52%.

5. Lanjutan daripada itu, pihak Lembaga telah menjalankan semakan menyeluruh di samping mengkaji kadar yang munasabah yang boleh disalurkan kepada pengguna pelabuhan. Bagi menampung kos operasi kontena sejuk (reefer container) di Pelabuhan Klang, pihak Lembaga bersetuju agar pihak **Northport dan Westports mengenakan ICPT Adjustment Factor (IAF) ke atas semua kontena sejuk (reefer container) sebagai tambahan kepada tarif sedia ada mulai 10 April 2023** pada kadar seperti berikut:

Saiz Kontena Sejuk	20'	40'	Melebihi 40'
Kadar Sedia Ada	RM35.00/syif	RM50.00/syif	RM60.00/syif
Kadar Caj IAF	RM6.00/syif	RM12.00/syif	RM15.00/syif
Jumlah	RM41.00/syif	RM62.00/syif	RM75.00/syif

6. Sebarang pertanyaan lanjut berhubung pekeliling ini boleh diajukan kepada:


- i. En. Mohd Azuan bin Mohamad Paudzi : 03-3168 8211 samb. 2039
Jabatan Pusat Sehenti, LPK mohdazuan@pka.gov.my
- ii. Cik Mehala a/p Navaratnasingam : 03-3168 8211 samb. 2040
Jabatan Pusat Sehenti, LPK mehala@pka.gov.my

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(KAPT. K. SUBRAMANIAM)
Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Kelang

mamp/josc